

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

Johor Plantations Group Berhad (JPG) telah mewujudkan Polisi Pemberian Maklumat yang menetapkan garis panduan dan prosedur berkaitan dengan pemberian maklumat. Polisi ini bertujuan untuk menggalakkan anggota pekerja dan pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku atau kelakuan yang tidak wajar tanpa rasa takut akan tindakan balas. Polisi ini menyediakan saluran pelaporan yang selamat dan memberikan jaminan kepada pemberi maklumat bahawa ia akan dilindungi daripada sebarang tindakan balas. Polisi ini juga memastikan bahawa aduan atau maklumat yang diterima akan diproses dan tindakan yang sesuai yang berkesan dan sistematik akan diambil.

1. Kelakuan tidak wajar

➤ 'Kelakuan tidak wajar' ditakrifkan sebagai kelakuan atau tindakan yang menyalahi undang-undang dan/atau melanggar polisi dan prosedur dan Kod Etika Perniagaan JPG, samada tertulis dan tersirat. Kelakuan tidak wajar termasuk:

A. Kesalahan menerima suapan

i. Menerima, memperoleh, bersetuju untuk menerima, atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana individu dalam apa-apa bentuk suapan untuk kepentingan peribadi atau bagi pihak orang lain yang berkaitan dengan urusan rasmi JPG.

B. Kesalahan memberi suapan

i. Memberi atau bersetuju untuk memberi, atau cuba untuk memberi, dari mana-mana individu dalam apa jua bentuk suapan untuk kepentingan peribadi atau bagi pihak orang lain berkaitan dengan urusan rasmi JPG.

ii. Memberi, bersetuju untuk memberi, menjanjikan, atau menawarkan kepada mana-mana individu apa jua bentuk suapan sama ada untuk kepentingan individu tersebut atau orang lain dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau kelebihan bagi JPG.

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

- C. Kesalahan berniat memperdayakan prinsipal
 - i. Seseorang memberi kepada ejen, atau sebagai ejen, menggunakan apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan dan bertujuan untuk mengelirukan JPG.
- D. Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan
 - i. Penyalahgunaan kuasa
 - ii. Konflik kepentingan
- E. Membenarkan atau membantu seseorang untuk melakukan mana-mana daripada contoh-contoh kelakuan tidak wajar yang di atas.
- F. Mengambil tindakan memudaratkan terhadap pemberi maklumat atau orang yang berkait rapat dengan mereka.

Contoh-contoh yang diberikan adalah tidak menyeluruh, dan mana-mana perkara yang dibangkitkan di bawah polisi ini akan disemak dan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

2. Butiran kelakuan tidak wajar dan bukti sokongan

- Pendedahan berkenaan kelakuan tidak wajar mesti dibuat dengan butiran yang mencukupi dan disokong oleh bukti berdokumen dan/atau maklumat pihak-pihak yang dapat mengesahkan atau menyokong pendedahan tersebut, sekadar mana yang boleh disediakan.
- Pendedahan maklumat dengan niat untuk menipu, iri hati atau apa-apa niat yang bertentangan dengan prinsip undang-undang, peraturan dan kepentingan JPG, tidak akan dilayan.

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

3. Aduan tanpa nama

- Polisi ini menggalakkan pemberi maklumat untuk mendedahkan identiti mereka atau cara untuk dihubungi. Bagi aduan tanpa nama, ianya tetap akan dilayan dan dipertimbangkan untuk tindakan, tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Lembaga Audit. Antara perkara yang akan dipertimbangkan ialah:
 - i. Keseriusan kandungan maklumat yang didedahkan;
 - ii. Tahap kelakuan tidak wajar yang terkandung dalam maklumat tersebut; dan
 - iii. Sama ada maklumat tersebut boleh diambil tindakan selanjutnya tertakluk kepada sumber, dokumen dan saksi yang ada.

4. Perlindungan daripada tindakan balas

- JPG menjamin bahawa tiada tindakan akan diambil terhadap mana-mana pemberi maklumat, dengan syarat maklumat yang diberikan adalah dengan niat baik dan tidak mempunyai unsur niat jahat.
- JPG memandang serius sebarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat. JPG memberikan jaminan bahawa semua pendedahan dilindungi dengan kerahsiaan dan bahawa beliau akan dilindungi daripada tindakan balas dalam apa jua bentuk di bawah Polisi ini.
- Tindakan tatatertib boleh diambil, atau laporan polis boleh dibuat terhadap mana-mana anggota pekerja atau mana-mana individu yang terlibat dalam membuat pendedahan dengan niat jahat atau dengan niat untuk memburukkan imej JPG.
- Anggota pekerja atau mana-mana individu yang ingin mendedahkan atau melaporkan sebarang kelakuan tidak wajar adalah bebas untuk membuat laporan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan jika mereka memilih untuk berbuat demikian.

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

- Anggota pekerja atau mana-mana individu yang mendedahkan kelakuan tidak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- Pemberi maklumat mempunyai pilihan untuk mendapatkan nasihat undang-undang dan teknikal dari individu atau kumpulan, serta pengantara pihak ketiga sebagai pilihan.

5. Imuniti dari perlindungan

- Perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat tidak termasuk pengecualian daripada sebarang siasatan, tindakan disiplin, atau tindakan lain yang timbul daripada mana-mana kesalahan peribadi, tindakan salah laku, atau tidak melaksanakan tugasnya.

6. Saluran pemberi maklumat

- Sebarang kelakuan tidak wajar yang dikenalpasti atau disyaki benar hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada:

i. E-Mel Pemberian Maklumat: whistleblowing@johorplantations.com

ii. E-Borang Pemberian Maklumat:
<https://johorplantations.com/whistleblowing>

iii. Secara bertulis:
Pengerusi
Lembaga Pengarah Johor Plantations Group Berhad
Aras 11, Menara KOMTAR
Pusat Bandar Johor Bahru
80000 Johor Bahru
Johor
Mel: Ditandakan sebagai Sulit

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

iv. Secara bertulis:

Pengerusi
Jawatankuasa Lembaga Audit
Johor Plantations Group Berhad
Tingkat 11, Menara KOMTAR
Pusat Bandar Johor Bahru
80000 Johor Bahru
Johor
Mel: Ditandakan sebagai Sulit

v. Secara bertulis atau berhubung atau berjumpa secara terus:

Ketua Unit Integriti
Johor Plantations Group Berhad
JPG Kompleks Tiram
K.B 705 Ladang Ulu Tiram
81800 Johor Bahru
Johor
Mel: Ditandakan sebagai Sulit
Telefon: 07-863 1900
(Waktu Pejabat: 8.00 am hingga 5.30 pm / Ahad hingga Khamis)